

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 5  
RUANGAN : LOKAL

Oleh Zuhainy Zulkiffli  
am@hmetro.com.my

Georgetown

Pusat Racun Negara (PRN) Universiti Sains Malaysia (USM) merekodkan panggilan kes pendedahan terhadap rokok elektronik atau vape tertinggi pada tahun lalu, sekali gus meningkat lima kali ganda berbanding 2019.

Ketua Pegawai Farmasi Perkhidmatan Maklumat Ubat dan Racun PRN Sulastris Samsudin berkata, pihaknya menerima kes terbabit sebanyak 6.3 peratus pada 2019, sebelum meningkat dua kali ganda iaitu sebanyak 13.5 peratus pada 2020, manakala berjumlah 19.8 peratus pada 2021.

Menurutnya, jumlah panggilan kes sama kemudian menurun kepada 18 peratus pada 2022 sebelum kembali meningkat sebanyak 30.6 peratus pada tahun lalu.

"Kebanyakan kes yang dilaporkan membabitkan kanak-kanak berusia kurang lima tahun dan situasi berlaku dipercayai akibat kaedah penyimpanan rokok elektronik yang tidak selamat.

"Ini ditambah dengan bentuk pembungkusan produk khususnya cecair rokok elektronik tanpa ciri keselamatan serta kewujudan bahan perisa yang menarik seperti makanan dan gula-gula.

"Trend mula berubah apabila lebih ramai remaja berusia 15 hingga 19 tahun mengalami keracunan akibat penggunaan rokok elektronik secara sengaja apabila nikotin dikeluarkan daripada Akta Racun 1952 pada tahun yang sama (2023),"

# Budak bawah lima tahun ramai sakit!

## Kes pendedahan terhadap rokok elektronik dilapor naik lima kali ganda berbanding 2019

katanya dalam kenyataan.

Sulastris berkata, lebih 95 peratus kes yang dilaporkan adalah bergejala dan majoriti pesakit konsisten dengan gejala keracunan nikotin seperti muntah yang teruk, mengantuk, cirit birit, sakit perut, pangsau dan sawan.

Menurutnya, terdapat juga pesakit menunjukkan gejala lebih teruk seperti psikosis, halusinasi dan perubahan tingkah laku agresif apabila disyaki menyalahgunakan dadah dalam cecair rokok

elektronik.

"Sejak 2021, PRN menerima kes rokok elektronik yang dikaitkan dengan dadah *Magic Mushroom* atau bahan aktifnya psilosibin.

"Ia sudah merekodkan sebanyak 23 kes sehingga kini, namun tanpa sebarang kawalan terhadap rokok elektronik, maka PRN tidak dapat mengesahkan kandungan bahan itu.

"PRN kini giat memantau kes pendedahan keracunan berkaitan rokok

elektronik dan cecairnya sejak pertama kali dilaporkan pada 2015 dan kini sejumlah 111 kes dirujuk ke Pusat Panggilan PRN dalam tempoh sembilan tahun," katanya.

Sulastris berkata, berikutan itu PRN menggesa kerajaan menyegerakan pelaksanaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 yang diluluskan tahun lalu.

Menurutnya, ia bagi memastikan kawalan terhadap produk rokok elektronik diberi penekanan misalnya tumpuan terhadap penggunaan penutup keselamatan bagi bekas isian semula cecair.

“  
Lebih 95 peratus kes yang dilaporkan adalah bergejala  
Sulastris



TERDAPAT juga pesakit menunjukkan gejala lebih teruk seperti psikosis, halusinasi dan perubahan tingkah laku agresif apabila disyaki menyalahgunakan dadah dalam cecair vape.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 15  
RUANGAN : NEGARA



KES demam denggi meningkat di seluruh negara pada 17 Mac hingga 23 Mac lepas berbanding pada minggu sebelumnya.

Jangkitan pada 17 Mac hingga 23 Mac lalu

## Demam denggi naik kepada 3,041 kes

Oleh MUHAMMAD NAJIB AHMAD  
FUAD

**PUTRAJAYA** – Kes demam denggi dilapor meningkat pada Minggu Epidemiologi ke-12 iaitu bagi tempoh 17 Mac hingga 23 Mac lepas iaitu 3,041 kes berbanding 2,905 kes pada minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, pada masa sama, sebanyak empat kematian akibat komplikasi demam denggi direkodkan oleh pihaknya pada tempoh berkenaan.

"Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-12 adalah sebanyak 41,565 kes berbanding 26,222 kes bagi tempoh sama ta-

hun 2023.

"Manakala terdapat 28 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 17 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2023," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, bilangan lokaliti *hotspot* yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-50 adalah sebanyak 141 berbanding 161 lokaliti pada minggu sebelumnya.

"Daripada 141 lokaliti yang dilaporkan, 118 lokaliti di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya (13), Pulau Pinang (enam), Perak (dua) manakala Negeri Sembilan dan Johor masing-masing satu," ujarnya.

Bagi survelan chikungunya pula Dr. Muhammad Radzi berkata, empat kes direkodkan dengan dua wabak dilaporkan pada Minggu

Epidemiologi ke-12, jumlah kumulatif sehingga kini sebanyak 13 kes.

"Bagi survelan zika, sebanyak 568 sampel darah dan satu sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif," katanya.

Dalam pada itu, bagi mengelak peningkatan kes demam denggi beliau mengingatkan masyarakat pulang beraya untuk memastikan tiada bekas-bekas yang boleh menakung air di dalam dan luar rumah serta menutup semua bekas yang menyimpan air dengan rapat.

"Orang ramai boleh mendapatkan informasi penyakit demam denggi serta lokasi wabak dan hotspots melalui laman sesawang iDengue (<https://idengue.mysa.gov.my>)," jelasnya.